

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

RPW 544 Perancangan Wilayah Dan Desa

Masa : 3 Jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

1. Kutub pertumbuhan dan pembangunan agropolitan merupakan dua pendekatan pembangunan wilayah yang sering diperkatakan. Bandingkan kedua-dua pendekatan ini berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- (a) Konsep
- (b) Pendekatan
- (c) Kesesuaian penggunaan masing-masing di negara ini
- (d) Keberkesanan

(20 Markah)

2. "Lembaga-lembaga kemajuan wilayah perlu menyemak semula strategi dan program pembangunan masing-masing selaras dengan perubahan keadaan masakini".

Pada pendapat anda, apakah aspek-aspek yang perlu dikemaskinikan di dalam penyemakan ini dan mengapa?

(20 Markah)

3. (a) i. Jelaskan kepentingan perancangan desa di negara membangun.  
ii. Secara ringkas, terangkan bagaimana sesebuah petempatan desa itu dirancangkan.

(10 Markah)

... 2/-

(b) Di bawah ini disenaraikan keadaan sedia ada di sebuah petempatan desa:

- i. Rumah-rumahnya terdiri daripada rumah-rumah kampung tradisional yang berselerak.
- ii. Lokasinya agak terpencil, iaitu jauh daripada pusat pertumbuhan (bagaimanapun mempunyai sistem perhubungan yang terhad).
- iii. Kemudahan infrastruktur amat terhad.
- iv. Penduduknya terlibat di dalam sektor pertanian, perniagaan dan perkhidmatan secara kecil-kecilan tetapi tidak langsung terlibat di dalam sektor perusahaan atau perikanan.

Berdasarkan kepada keadaan di atas:

Bincangkan model-model perkelompokan yang sesuai untuk membangunkan semula desa tersebut.

(10 Markah)

4. Umumnya, ciri-ciri perancangan wilayah memberi penekanan kepada isu-isu "supra urban" yang melibatkan antara lain isu-isu kemiskinan, penghijrahan penduduk, had pengeluaran yang rendah di kawasan luar bandar serta isu-isu lain.

Selaras dengan penekanan sebegini:

- (a) Wajarkah kerajaan pusat mendesentralisasikan pentadbirannya kepada peringkat-peringkat kerajaan yang lebih rendah? Mengapa?
- (b) Bagaimakah perancangan wilayah boleh menyelesaikan masalah-masalah kemiskinan, pengangguran dan sebagainya di kawasan bandar?

(20 Markah)

5. "Tunggak kejayaan Dasar Ekonomi Baru bergantung kepada pembangunan wilayah di negara ini".

Bincangkan kenyataan ini.

(20 Markah)

...3/-

6. Pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk membubarkan pembahagian wilayah sedia ada di Semenanjung Malaysia (iaitu Wilayah Utara, Selatan, Timur dan Tengah) untuk memantapkan program-program pembangunan wilayah negara.

Sebagai seorang perancang, anda telah ditugaskan untuk melaksanakan pembahagian ini.

Berikan justifikasi untuk pembahagian 'baru' ini dengan menghuraikan kriteria-kriteria yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri setiap wilayah.

(20 Markah)

-000000000-